

**Malaysia Masih Sokong Perjanjian Pertukaran Pelarian - Menteri Luar Australia  
Bernama  
16 Julai, 2012**

MELBOURNE, 16 Julai (Bernama) -- Kerajaan Australia berkata Malaysia masih menyokong cadangan pertukaran pelarian sekalipun isu itu menemui jalan buntu disebabkan politik di Australia.

Menteri Luar Senator Bob Carr memberitahu ABC Radio beliau telah membincangkan perkara itu dengan rakan sejawatannya dari Malaysia yang masih mahu perjanjian diteruskan.

Carr berkata Malaysia tidak berputus asa dengan penangguhan pelaksanaan perjanjian itu.

"Isu itu saya bangkitkan sebagai antara agenda yang kami bincang sentiasa," katanya pada Isnin.

Mengikut cadangan, 800 pencari suaka yang tiba dengan bot akan dihantar ke Malaysia dan Australia menerima 4,000 pelarian tulen sebagai timbal balik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680868>